

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 31/12/2013

Muka surat: 3

Tajuk : Aktiviti Akademik Dan Penyelidikan UNIMAS Disokong.

Aktiviti akademik dan penyelidikan UNIMAS disokong

KOTA SAMARAHAN: Kerajaan negeri sentiasa terbuka dan menyokong aktiviti akademik dan penyelidikan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) bagi pembangunan semua etnik di negeri ini menerusi pembukuan hasil penyelidikan.

Menteri di Pejabat Ketua Menteri (Tugas-tugas Khas) Tan Sri Datuk Amar Adenan Satem berkata, sebab itu kerajaan menyediakan dana bagi memudahkan penyelidikan tentang etnik-antik dilakukan sebelum ia dibukukan.

“Penyediaan dana ini menunjukkan komitmen kerajaan negeri kepada pembangunan semua etnik di Sarawak dan dengan adanya dana ini lebih mudah penyelidikan tentang etnik-etnik dilakukan.

“Selepas penyelidikan ini dibuat maka amat penting ia dibukukan kerana ia akan memudahkan penyelidik berkongsi penemuan dalam kajian yang dilakukan,” katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Buku Terbitan Institut Pengajian Asia Timur (IPAT) UNIMAS di sini, semalam.

Pada masa sama Adenan memberitahu bahawa pembukuan hasil penyelidikan penting kerana ia akan menjadi rujukan kepada masyarakat di negeri ini.

“Penyelidikan yang hebat tidaklah menjadi penting apabila hanya disimpan di rak penyelidikan kerana ia harus disebar dan dikembangkan kepada masyarakat di luar universiti,” tambahnya.

Sehubungan itu, beliau

menegaskan kini peluang besar kepada sarjana tempatan untuk menerokai atau menyelidik sendiri khazanah di Borneo-Kalimantan secara lebih aktif dan dinamik.

“Hubungan yang baik dengan universiti di sekitar seperti Universiti Brunei Darussalam, Universiti Tanjung Pura, Universitas Palangkaraya, Universitas Tarakan, Universitas Mulawarman dan Universitas Lambung Mangkurat perlu dinamis.

“Kita perlu peka dan saling bekerjasama dengan universiti seumpama ini untuk kajian yang lebih menyeluruh kerana penyelidikan bersama merupakan kata kunci kepada penjiwaan dana dan tenaga,” jelasnya.

Selain itu, Adenan berkata kajian populasi dan demografi yang dijalankan di IPAT dapat dijadikan teras kerana kajian populasi bandingan dan menyeluruh.

Menurutnya, kerajaan menyalurkan dana sebanyak RM29,000 untuk penerbitan kepada Geran Kursi Nusantara pada 23 Oktober lalu bagi tujuan tersebut.

Antara buku yang diterbitkan ialah buku ‘Issues in Development in Malaysia and Nigeria: Multi-Dimensional Approaches’ dan buku ‘Melayu Sarawak’.

Hadir sama pada majlis pelancaran itu semalam Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS Datu Dr Hatta Solhi, Pengarah IPAT Prof Madya Datu Sanib Said dan tetamu kehormat lain.